

TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG PROF DATO' DR MOHAMAD KADIM BIN
SUAIDI,
NAIB CANSOLOR, UNIVERSITI MALAYSIA
SARAWAK

MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM CINTA ILMU SEMPENA HARI BUKU &
HAKCIPTA SEDUNIA

AUDITORIUM
CAIS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

27 APRIL 2017,

Bismillahirmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.
Salam 1 Malaysia dan Salam Unimasku sayang

YBhg Prof Mohd Fadzil Abd Rahman

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

YBhg Prof Dr Kopli Bin Bujang

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

YBhg. Prof Dr Wan Hashim Bin Wan Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berusaha Puan Margaret Simeng,
Ketua Pustakawan, UNIMAS

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Jane Labadin

Pengarah UNIMAS Publisher

YANG DIHORMATI,

Dekan-Dekan,

Pengarah – Pengarah

Timbalan-timbalan Dekan

Pegawai-pegawai Akademik dan Pegawai Pengurusan
UNIMAS

Ketua - Ketua Perpustakaan

Pegawai Pendidikan Daerah Samarahan

Pengetua/Guru Besar Sekolah Negeri Sarawak

Rakan-Rakan Media, Wakil Pembekal Dan Penerbit

Siswa Siswi UNIMAS

Serta semua jemputan yang dihormati sekalian.

1. Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, maka dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Program Cinta Ilmu Anjuran Bersama CAIS & UNIMAS Publisher pada pagi Khamis 27 April 2017 yang berbahagia ini.
2. Tahniah diucapkan kepada CAIS & UNIMAS Publisher diatas usaha untuk menjayakan sambutan Program Hari Buku & Hakcipta Sedunia Jom Membaca Bersama Selama 10 Minit (*Let's Read Together*), yang merupakan salah satu aktiviti yang telah disenaraikan dalam Kalendar sempena sambutan ulang tahun yang Ke 25 Tahun penubuhan UNIMAS.

Hadirin Sekalian

3. Matlamat utama program seperti ini dijalankan adalah supaya warga UNIMAS dan masyarakat sekitar tahu mengenai wujudnya Hari Buku Dan Hak Cipta Sedunia yang diiktiraf oleh badan antarabangsa.

Untuk itu izinkan saya untuk kongsikan bersama mengenai sejarah awal mula bagaimana tercetusnya sambutan Hari Buku Dan Hak Cipta Sedunia. Ia dikatakan bermula pada 15 November 1995 apabila Pertubuhan Pendidikan Sains Dan Kebudayaan UNESCO), dalam konferensinya di Paris, memutuskan 23 April sebagai Hari Buku Sedunia dan juga Hari Hak Cipta Sedunia.

Antara sebab lain mengapa tarikh ini dipilih adalah sebagai memperingati dan menghargai jasa dan sumbangan 2 sasterawan tersohor di dunia iaitu William Shakespeare dan Miguel de Cervantes. Untuk makluman tarikh ini adalah tarikh kematian kedua – dua penulis ini.

Pada setiap tahun, UNESCO akan memilih sebuah bandaraya untuk dijadikan *World Book Capital*. Jika pada 2016, *World Book Capital* ialah Bandar Wroclaw di Poland, negara bertuah pada tahun ini ialah Republic of Guinea, sebuah negara di Afrika Barat kerana ibu negaranya, Conakry telah dipilih oleh UNESCO menjadi *World Book Capital 2017*.

Hadirin Sekalian

4. Umum mengetahui bahawa untuk memupuk minda kelas pertama kita memerlukan sokongan industri buku yang hebat kerana industri buku mampu mengangkat pemikiran masyarakat ke tahap yang lebih baik melalui pembudayaan amalan membaca serta mencintai ilmu. Mengikut standard Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO), antara kriteria sebuah negara maju ialah penerbitan buku mestilah pada kadar satu peratus untuk setiap sejuta penduduknya. Lantaran itu, Malaysia yang mempunyai kira-kira 31.7 juta (2016) penduduk perlu menerbitkan 31,700 naskah buku setahun.

Industri penerbitan dan penjualan buku juga mampu memberi pulangan yang lumayan kepada sesebuah Negara. Sehubungan itu banyak Negara di dunia ini berebut – rebut untuk menganjurkan Pesta Buku dan negara kita Malaysia turut tidak ketinggalan dengan menganjurkan Kuala Lumpur International Book Fair (KLIBF) pada setiap tahun.

Saya percaya UNIMAS Publisher juga telah banyak menjalankan aktiviti dan promosi menyertai banyak pesta dan jualan buku sama ada diperingkat universiti, tempatan dan antarabangsa. Pada tahun ini juga UNIMAS Publisher akan menganjurkan seminar seperti

International Conference on Borneo Books Publishing and Borneo Books Fair 2017 begitu juga CAIS yang akan menganjur Seminar Kepustakawanan pada bulan Julai ini. Syabas CAIS & UNIMAS Publisher.

Saya dimaklumkan bahawa UNIMAS Publisher akan melancarkan 7 buah buku pada hari ini. Tahniah kepada UNIMAS Publisher dan penulis - penulis buku terbabit.

Untuk makluman hadirin semua, UNIMAS Publisher merupakan penjenamaan semula bagi Bahagian Penerbitan mulai tahun 2015. Ini adalah sebagai mendukung nilai tinggi Universiti dan

memberi lonjakan visibiliti kepada PTJ yang dijangka akan memberi impak yang besar kepada jenama UNIMAS. Kita yakin penjenamaan ini akan menaikkan lagi semangat warga UNIMAS amnya dan UNIMAS Publisher khasnya untuk menerbitkan lebih banyak bahan penerbitan.

Pada pagi ini juga kita amat bertuah kerana akan menerima sumbangan sebanyak 877 naskah buku *Sarawak Book of Amazing Facts and Records* daripada penulis tersohor, James Ritche. Buku-buku tersebut akan dimasukkan ke dalam Koleksi CAIS, UNIMAS dan juga agihan kepada setiap PTj sebagai sumber rujukan mengenai sejarah Sarawak. Sebahagian besarnya akan disalurkan

kepada pusat-pusat sumber sekolah dan perpustakaan mini yang memerlukan di bawah program Book Donation Station anjuran CAIS. Institusi-institusi pengajian tinggi seluruh negara juga telah dimasukkan ke dalam senarai penerima buku tersebut sebagai salah satu bahan hadiah dan pertukaran antara perpustakaan. Jutaan terima kasih kami rakamkan untuk James Ritche atas sumbangan yang tidak ternilai ini.

Pohon selasih di dalam kolam

Anak haruan berenang-renang

Terima kasih kami ucapkan

Budi tuan menjadi kenangan

Hadirin Sekalian

Di sungai besar buaya bertemu
Dengan kancil kecil badannya
Buku adalah gudang ilmu
Membaca itu adalah kuncinya

5. Tony Buzan, penulis tersohor dunia dan juga pelopor peta minda, melalui bukunya bertajuk *The Speed Reading Book* telah menggariskan bahawa pembacaan melibatkan tujuh kemahiran yang kompleks, iaitu:

1. **Recognition** (Knowledge of the alphabet, the medium used to convey thoughts to the eyes and then to the brain)
2. **Assimilation** (The physical process by which the image is reflected from the page, to the eye, then to the brain)

3. **Intra-integration** (Linking parts of the information being read to other appropriate parts - basic comprehension).
4. **Extra-integration** (Linking what you read with all your previous knowledge of the subject and then making connections, and appraisals).
5. **Retention** (Basic storage of information).
6. **Recall** (Getting back from storage what you need when you need it).
7. **Communication** (Putting the information to use through speaking, writing, or even thinking an an ongoing process of extra-integration).

Tabiat membaca yang baik adalah amat penting bagi mendorong kepada perkembangan intelektual yang mana seterusnya menyumbang kepada daya pemikiran yang kreatif dan inovatif.

Terdapat beberapa istilah yang biasa kita dengar mengenai orang yang suka membaca buku. Golongan ini digelar sebagai Ulat buku. Tetapi tidak ramai orang sedar bahawa ada istilah -istilah lagi yang sudah lama wujud mengenai golongan ini. Untuk hari ini saya ingin kongsi bersama beberapa perkataan yang berkaitan dengan membaca:

1. Bibliobibuli

The term was coined in 1957 by H. L. Mencken, from the Greek "biblio", meaning books, and the Latin "bibulous", from "bibere" (to drink).

"There are people who read too much".

2. Bibliophilia

Bibliophilia or bibliophilism is the love of books, and a bibliophile or bookworm is an individual who loves books.

Budaya membaca, sinonimnya ialah kadar literasi sesebuah negara. Menurut CIA World Factbook (2015-12-31), 10 negara yang mempunyai kadar literasi yang tinggi ialah

1. Korea (North)
2. Latvia
3. Azerbaijan
4. Cuba
5. Estonia
6. Georgia
7. Kazakhstan
8. Lithuania
9. Poland
10. Tajikistan

Kedudukan negara-negara di Asia Tenggara ialah:

- Singapore - 51
- Thailand - 52
- Brunei - 59
- **Malaysia - 71**
- Vietnam - 72
- Indonesia - 77
- Myanmar - 82

6. Tren pembacaan semasa telah banyak berubah dengan meningkatnya bahan-bahan bacaan dalam bentuk digital yang boleh dicapai melalui apps dan jaringan internet. Maka dari sini, wujud pula kegiatan salin dan lekat yang mana sekiranya tidak dibendung boleh menyumbang kepada pelanggaran akta hak cipta.

Justeru itu, UNIMAS sentiasa memandang serius terhadap pematuhan kepada Akta Hak Cipta. Atas dasar menyokong keseriusan univervisiti CAIS telah mengambil langkah proaktif dengan menawarkan kelas literasi maklumat kepada pengguna melalui modul "*Citing References & Plagiarism*". Bertujuan untuk mewujudkan kesedaran awal kepada warga kampus khususnya kepada para pelajar dan pensyarah mengenai seriusnya kesalahan dibawah Akta Hakcipta ini.

Hadirin Yang Dihormati,

7. Sekali lagi saya ucapkan Syabas dan tahniah kepada:

- CAIS,
- UNIMAS Publisher,

kerana menganjurkan program sebegini.

Terima kasih juga kepada

- Pihak Media,
- Pengarang Buku Unimas
- Pustaka Negeri Sarawak
- UiTM Kota Samarahan
- IPG Kampus Abdul Razak
- IPG Kampus Batu Lintang
- Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sarawak

- ILP Samarahan
- Pejabat Pendidikan Daerah Samarahan
- Sekolah - Sekolah jemputan di Bahagian Samarahan dan Kuching
- Serta semua JK Pelaksana.

“ Bunga Rumput, Bunga Padi

Dijemput Datanglah lagi”

Semoga program seperti ini dapat diteruskan di masa hadapan dan dijadikan program tahunan Pusat. Sekali lagi saya ingatkan disini bahawa membaca adalah amalan yang mulia & Hakcipta bukanlah merupakan hak melakukan sesuatu, tetapi ia lebih merupakan hak untuk menghalang sesuatu. Selamat menyambut Hari

Buku dan Hakcipta Sedunia kepada semua yang hadir
disini pada hari ini dan juga kepada semua warga
UNIMAS.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya
merasmikan Program Cinta Ilmu peringkat UNIMAS
sempena Hari Buku & Hakcipta Sedunia 2017.

Sekian Terima kasih.

UNIMAS

27 APRIL 2017